

D443

B B038 AAB
MAHATHIR - KAPAL R R R

GUANGZHOU, 28 NOV. (BERNAMA) -- MALAYSIA DAN PARA PEGAWAI CHINA AKAN BERMESYUARAT LAGI MENJELANG PERTENGAHAN 1986 BAGI MEMUPUK DAN MENINGKATKAN LAGI KERJASAMA BIDANG PERKAPALAN TERMASUK PENGGUNAAN RUANG PERKAPALAN NEGARA SATU SAMA LAIN.

MENURUT KENYATAAN WISMA PUTRA, BUTIR-BUTIR MESYUARAT ITU AKAN DIPUTUSKAN MENERUSI SALURAN DIPLOMATIK.

PARA PEGAWAI MALAYSIA DAN CHINA BERSIDANG DI SINI HARI INI BAGI BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT DALAM RANGKA PERJANJIAN ITU YANG DICAPAI ANTARA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DENGAN PERDANA MENTERI ZHAO ZIYANG DI BEIJING 21 NOVEMBER LALU BAGI MENGADAKAN KERJASAMA LEBIH RAPAT DALAM BIDANG PERKAPALAN.

+KEDUA-DUA PIHAK BERSETUJU MENGADAKAN RUNDINGAN LANJUT ANTARA PIHAK-PIHAK YANG BERKAITAN DI KEDUA-DUA NEGARA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERLEPAS DARI CHINA HARI INI MENGAKHIRI LAWATAN RASMINYA SELAMA SEMBILAN HARI SETELAH BERUNDING DENGAN PEMIMPIN CHINA DENG XIOU PENG DAN PERDANA MENTERI ZHAO.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGETUAI ROMBONGAN 200 ORANG KEBANYAKANNYA PENIAGA SEMASA LAWATAN ITU KE BEIJING, SHANGHAI, HANGZHOU XIAN, SHANGHAI DAN GUANGZHOU. -- BERNAMA.

1418MST 28 11 85